



Rujukan Kami: JPNS.SPD 600-11/2/2 JLD. 57 (63)

Tarikh: 24 Februari 2023

Dr. Tan Guan Heng
Ketua Pegawai Eksekutif
Akademi J&W Sdn. Bhd.
1st Floor, 51-53A, Jalan SS25/2
Taman Bukit Emas
47301 Petaling Jaya
Selangor

Tuan,

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) "KURSUS KAUNSELING UNIVERSITI DAN PEKERJAAN" OLEH AKADEMI J&W DI SEKOLAH MENENGAH SELANGOR BAGI MURID LEPASAN SPM ATAU STPM

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Pendidikan Selangor ambil maklum dan tiada halangan kepada pihak tuan untuk menganjurkan Program Penajaan Pendidikan (PPP) "Kursus Kaunseling Universiti dan Pekerjaan" sehingga 15 Disember 2023.

3. Sehubungan dengan itu, kelulusan ini adalah **TERHAD** kepada urusan antara pihak tuan dengan pihak pengurusan sekolah sahaja dan tiada unsur paksaan. Tuan diminta untuk menghubungi Pejabat Pendidikan Daerah dan Pengetua / Guru Besar untuk mendapat persetujuan serta mematuhi garis panduan berikut:-

- 3.1 Menyenaraikan sekolah cadangan untuk mendapat kebenaran daripada Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) yang terlibat dan pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) boleh meminda sekolah cadangan berdasarkan kesesuaian;
- 3.2 Pihak JPN dan PPD berhak untuk meminda tarikh, kandungan program dan jumlah peserta (pegawai/ guru/ murid) yang terlibat atas prinsip kesesuaian serta keperluan program untuk menyokong aktiviti kurikulum atau kokurikulum sekolah;
- 3.3 Pihak penganjur perlu mendapatkan surat kebenaran ibu bapa sekiranya program melibatkan murid dan bertanggungjawab sepenuhnya untuk menjaga keselamatan dan kebajikan murid;
- 3.4 Surat kebenaran/ kelulusan ini tidak boleh digunakan bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan dan tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.5 Pegawai/guru dan murid tidak boleh dipaksa atau diwajibkan terlibat dengan program ini dan hendaklah tidak mengganggu atau menjejaskan proses PdP;

“Jabatan Pendidikan Selangor Terbilang”



Certified to ISO 9001:2015
Cert No : QMS 01314



Certified to ISO 9001:2015
Cert No : QMS 01314



Certified to ISO 9001:2015
Cert No : QMS 01314

MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) "KURSUS KAUNSELING UNIVERSITI DAN PEKERJAAN" OLEH AKADEMI J&W DI SEKOLAH MENENGAH SELANGOR BAGI MURID LEPASAN SPM ATAU STPM

JPNS.SPD 600-11/2/2 JLD. 57 (63)

Tarikh: ~~24~~ Februari 2023

- 3.6 Pihak penganjur tidak boleh membuat jualan terus dagangan kepada murid dan guru;
 - 3.7 Pihak penganjur tidak boleh mengadakan pameran demonstrasi kepada murid dan guru sebagai promosi dagangan **kecuali** dijalankan pada satu-satu hari tertentu seperti Hari Sukan, Hari Ibu bapa dan lain-lain;
 - 3.8 Hanya untuk perhatian dan pertimbangan pihak pentadbir, pengurusan koperasi sekolah atau PIBG;
 - 3.9 Surat kebenaran/kelulusan ini bukan sebagai pengesahan program dianjurkan secara kerjasama bersama JPN. Sijil penyertaan program yang ditandatangani oleh pengurusan tertinggi JPN tidak dibenarkan kecuali program kerjasama dengan pihak JPN secara langsung;
 - 3.10 Pihak penganjur dimohon agar mengemukakan **satu salinan laporan program dalam tempoh 30 hari** selepas pelaksanaan program tersebut;
 - 3.11 Sekiranya laporan program diterbitkan atau disiarkan dalam mana-mana *platform* media, bahan tersebut perlu mendapat persetujuan terlebih dahulu daripada pihak kementerian;
 - 3.12 **Tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, sekolah, pegawai/guru dan murid yang terlibat;**
 - 3.13 Pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum;
 - 3.14 Pihak penganjur juga perlu mematuhi segala garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia sepanjang program dijalankan; dan
 - 3.15 Jabatan ini berhak menarik balik surat kelulusan / kebenaran sekiranya pihak tuan gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan **dasar KPM** yang sedang berkuatkuasa.
5. Untuk makluman tuan, pihak KPM amat menekankan perkara Melindungi Masa Instruksional, yakni masa pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid. Oleh yang demikian, pihak KPM mencadangkan supaya penyertaan guru dan murid bagi program tersebut diadakan di luar waktu PdP iaitu dilaksanakan di luar waktu persekolahan atau pada hari Sabtu yang dibenarkan sahaja.

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM
PENAJAAN PENDIDIKAN (PPP) "KURSUS KAUNSELING UNIVERSITI DAN
PEKERJAAN" OLEH AKADEMI J&W DI SEKOLAH MENENGAH SELANGOR BAGI
MURID LEPASAN SPM ATAU STPM**

JPNS.SPD 600-11/2/2 JLD. 57 (63)

Tarikh: 24 Februari 2023

6. Kelulusan ini hanya untuk tujuan yang dimohon sahaja dan luput selepas tarikh **15 Disember 2023**. Sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi Encik Muhammad Hazwan bin Kayun, Penolong Pengarah, Sektor Perancangan dan Pengurusan PPD melalui talian 03-5518 6524 / 03-5518 6525 atau e-mel hazwan@moe.gov.my .


Kerjasama dan perhatian tuan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(ROHAYATI BINTI ABD HAMED)
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

HZNMS/73022023